AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

## 2,555 pesakit pulih, 935 penularan harian dengan tiga kematian

# Rekod kes sembuh tertinggi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Dua hari berturut-turut negara merekodkan angka sembuh terbanyak dengan 2,555 kes semalam, sekali gus tertinggi sejak pandemik Covid-19 dilaporkan di negara ini.

Kes harian pula masih merekodkan tiga digit dengan 935 kes yang antara lain turut disumbangkan 44 kluster aktif, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di seluruh negara kini mencecah 60,752 kes.

Terdapat tiga kluster merekodkan kes tertinggi iaitu Kluster Bakti (95 kes), Kluster Cergas (48) dan Kluster Enggor (43) manakala berdasarkan pecahan negeri pula, Sabah melaporkan kes tertinggi iaitu sebanyak 326 kes atau 34.9 peratus.

Ia diikuti oleh Selangor sebanyak 161 kes atau 17.2 peratus dan seterusnya, Negeri Sembilan sebanyak 158 kes atau 16.9 peratus.

Kluster di lokap dan penjara melaporkan sebanyak 103 kes atau 11 peratus membabitkan Kluster Bakti (95 kes), Kluster Tembok (lima), Kluster GK Tawau (dua) dan Kluster Penjara Kepayan (satu).



KIRA-KIRA 6,000 pekerja sebuah kilang di Bayan Lepas semalam beratur untuk menjalani ujian saringan Covid-19. – AMIR IRSYAD OMAR

Pada masa sama, tiga lagi kematian baharu direkodkan di Sabah melibatkan dua wanita dan seorang lelaki berusia 59, 70 dan 77 tahun menjadikan jumlah kes kematian terkini berkaitan Covid-19 sebanyak 348 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, enam lagi kluster baharu dikesan dan satu daripadanya Kluster Bot Biru di Tawau, Sabah dengan kes indeks saringan bergejala dan susulan itu, 17 lagi dikesan positif dalam kluster tersebut.

Menurutnya, Kluster Blok 31 pula turut dikesan di Tawau melibatkan kes indeks bergejala dan seterusnya, 13 lagi kes dikesan positif selepas saringan dijalankan.

"Selain itu, Kluster Gemilang melibatkan sebuah syarikat logistik di Johor Bahru dengan kes indeks ialah kes jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) dan berikutan itu, sebanyak 26 lagi kes dikesan positif.

"Bagi Kluster Tapak Bina Sungai Udang pula membabitkan pekerja tapak pembinaan di Kepong, Kuala Lumpur iaitu kes indeks hasil saringan di tempat kerja dan kemudian, 11 kes dikesan positif dalam kluster ini," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, kluster berikutnya ialah Kluster Chengal di Kota Bharu dan Machang, Kelantan dengan kes indeks merupakan kes SARI dan selepas itu, sebanyak 15 lagi kes positif turut dikesan.

Ujarnya, kluster baharu yang terakhir ialah Kluster Damar Laut di Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang serta Padang Terap, Kedah dengan lima kes pertama bagi kluster ini dikesan positif hasil saringan bergejala.

"Seterusnya sebanyak 13 kes lagi dikesan positif dalam kluster ini," ujarnya lagi.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu semalam, sebanyak empat kes import mendapat jangkitan dari luar negara, manakala bakinya sebanyak 931 kes adalah penularan tempatan.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, dua lagi kluster diisytiharkan tamat iaitu Kluster Tuguson dan Kluster Seri Gaya menjadikan sebanyak 172 kluster ditamatkan, manakala 173 kluster lagi masih aktif.

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu (Import: 4 Tempatan: 931) | 935 |
| Pulih | 2,555 |
| Kematian | 3 |
| Masih dirawat | 11,348 |
| Jumlah kes sembuh | 49,056 |
| Jumlah Kematian | 348 |
| **Jumlah kes keseluruhan** | **60,752** |